

Syor yayasan bela masyarakat India

BH- 13/5/2007

KUALA LUMPUR: MIC mencadangkan kerajaan menuhkan jawatankuasa atau yayasan khusus melaksanakan pelbagai usaha dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RM-9) bagi meningkatkan ekonomi, pendidikan dan sosial masyarakat India.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata permintaan itu dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam berikutan tiada kesungguhan sesetengah pihak melaksanakan program berkaitan masyarakat India, walaupun RMK-9 menggariskan dengan jelas rancangan meningkatkan ekuiti dan kepentingan masyarakat India, termasuk pendidikan, keusahawanan dan latihan.

"Ini berkaitan sistem penyampaian, sebagai contoh walaupun Perdana Menteri sudah menetapkan pinjaman dan menggalakkan peniaga di kalangan masyarakat India, tetapi tiada pihak melaksanakannya.

"Mereka (pihak berkenaan) berfikir ini bukan tugas mereka, jadi saya minta Perdana Menteri supaya tugas itu diberikan kepada satu jawatankuasa atau yayasan di bawah kerajaan untuk melaksanakannya," katanya selepas menyampaikan amanat presiden pada majlis perasmian Perhimpunan Agung MIC ke-61 yang disempurnakan Perdana Menteri, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Samy Vellu berkata, Abdullah memberi jaminan membawa laporan dikemukakan itu ke Kabinet.

"Jika kerajaan luluskan, kita laksana kegiatan membangunkan masyarakat India dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS), memberi



LAMBANG PERPADUAN: Abdullah dan Samy Vellu mengangkat tangan selepas majlis perasmian Perhimpunan Agung MIC ke-61 di Dewan Merdeka, PWTC, di ibu negara, semalam.

“ Jika kerajaan luluskan, kita akan laksana kegiatan membangunkan masyarakat India”

S Samy Vellu
Presiden MIC

latihan kepada pemuda, mengadakan kursus keusahawanan dan kesedaran serta bantuan sekolah Tamil,” katanya.

Terdahulu, Samy Vellu dalam ucapan dasarnya berkata, MIC menetapkan tiga strategi memastikan masyarakat India tidak ketinggalan dalam mengharungi keadaan serba mencabar 50 tahun dari sekarang.

Beliau berkata, strategi pertama memberikan penekanan bidang pendidikan dan pelaburan.

Katanya, parti menggalakkan setiap keluarga India memastikan sekurang-kurangnya dua anak melanjutkan pengajian ke universiti, termasuk mampu menjejaskan kaki ke universiti terkemuka seperti Yale, Harvard, Oxford atau Cambridge.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerjaya berkata, usaha turut diambil bagi mengatasi masalah 25 peratus pelajar kaum itu gagal mendapat sijil penuh dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

ROSAN WAHID / BERTTA MINGGU